

# e-BULETIN JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN KE-67



“ Jiwa yang merdeka bukanlah bebas tanpa batasan, tetapi tunduk patuh kepada Sang Pencipta. ”

eISSN 2637-0077  
9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4



MALAYSIA  
MADANI  
*Jiwa Merdeka*

Salam Kemerdekaan & Selamat Hari Malaysia

# *Isi Kandungan*

- |  |                                  |
|--|----------------------------------|
| i. Kata Alu-aluan  | 15 Apakah Pokok Kebangsaan Kita? |
| 01 Jiwa Merdeka  | 18 Negaraku Malaysia             |
| 02 Sedekad Tema Hari Kebangsaan Malaysia                           | 19 Tanah Airku Malaysia          |
| 06 Kenali Tugu Negara Malaysia                                     | 20 Harmony of Freedom            |
| 08 SriKandi Kemerdekaan  | 21 Erti Kemerdekaan              |
| 11 Jejak Sejarah: Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang | 22 Pantun Nazam Anak Merdeka     |

# *Sidang Redaksi*

**Penasihat**  
**Dr. Nor Hanim Abd Rahman**

**Ketua Editor**  
**Dr. Siti Nurleena Abu Mansor**

Ts. Jamal Othman

**Editor**  
**Pn. Siti Mariam Saad**

En. Ahmad Rashidi Azudin

## SEDEKAD —

# Tema Hari Kebangsan MALAYSIA

Syarul Heiry Bin Yahaya

Pada 31 Ogos 2024 rakyat Malaysia akan menyambut hari kebangsaan Malaysia yang ke-67 yang mana setiap tahun akan disambut dengan tema yang berbeza dan memainkan peranan untuk menaikkan semangat patriotisme di kalangan belia dan semangat perpaduan seluruh rakyat Malaysia. Tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) pada tahun 2024 ini ialah Malaysia Madani : Jiwa Merdeka. Tema yang dimaksudkan pada tahun ini merupakan perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya.


Pada tahun 2023, tema hari kemerdekaan telah diperkenalkan dengan bertemakan Malaysia MADANI, Tekad Perpaduan Penuhi Harapan. Penetapan tema tersebut diinspirasikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan dan kemodenan berteraskan kemampunan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat-menghormati dan ihsan. Perbandingan tema tahun lepas dan tahun 2024 adalah berfokus pada menzhirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menterjemahkan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi dan seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang harmoni, kukuh dan progresif iaitu jiwa merdeka.

**Tema yang berikunya diringkaskan dalam bentuk jadual:**

Tahun	Tema dan Logo	Penerangan
2014	Malaysia... Disini Lahirnya Sebuah Cinta 	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merupakan satu petikan lagu bertajuk Warisan dan pernah dipopularkan oleh penyanyi Allahyarham Sudirman Hj Arshad.</li> <li>Tema ini dipilih untuk hari kemerdekaan yang ke-57 untuk memberikan kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk menzhirkan perasaan cinta pada negara sama ada di dalam dan luar negara.</li> <li>Menzahirkan solidariti kepada mangsa nahas kapal terbang MH17 dan MH370 yang menimpa negara dalam tahun yang sama. Penerapan tema ini secara tidak lansung merapatkan lagi jurang diantara seluruh rakyat Malaysia samada diluar negara dan didalam negara.</li> </ul>

Tahun	Tema dan Logo	Penerangan
2015 – 2016	Sehati Sejiwa  	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sambutan kemerdekaan tidak lagi disambut berdasarkan ulang tahun, tetapi ianya disambut mengikut tahun iaitu 2015 dan bukan lagi kemerdekaan yang ke-58 bagi menyeragamkan sambutan hari kemerdekaan di Semenanjung Malaysia pada 31 Ogos, manakala penggabungan Sarawak dan Sabah menjadi Malaysia berlaku pada 16 September.</li> <li>Tema Hari Kemerdekaan 2015 adalah bertepatan untuk mencerminkan kesepadan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat kepada Malaysia negara tercinta. Kesenadaan setiap lapisan masyarakat Malaysia akan terus menyatukan kita tanpa mengira garis sempadan nautika lautan, susur galur keturunan, kepercayaan.</li> </ul>
2017	Negaraku Sehati Sejiwa   <b>NEGARAKU SEHATISEJIWA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tema ini berlandaskan perpaduan dan kesepakatan sesama rakyat yang menjadi penggerak kepada agenda memperkasakan integrasi nasional dalam kalangan pelbagai lapisan kaum dan masyarakat di Malaysia.</li> <li>Konsep yang berasaskan ‘keharmonian dalam kepelbagaian’ ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisme serta memperluas dan memperkuuh semangat kekitaan, kebersamaan, saling memahami dan hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya.</li> </ul>
2018	Sayangi Malaysiaku   <b>Sayangi Malysiaku</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sambutan pada tahun 2018 menjadi sejarah baru di bawah pentadbiran Malaysia Baru iaitu dalam pimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.</li> <li>HKHM pada tahun ini memberi semangat kepada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum dan agama. Ia sama-sama menzahirkan rasa cinta kepada negara yang tercinta dan menerapkan amalan hormat menghormati sesama mereka sekaligus dapat mencapai kesejahteraan dan kemakmuran negara</li> <li>Tema ini juga mementingkan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman</li> </ul>

Tahun	Tema dan Logo	Penerangan
2019	Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih 	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tema pada tahun 2019 adalah kesinambungan pada tema tahun 2018 dengan menekankan aspek Malaysia Bersih.</li> <li>Sambutan kemerdekaan lebih menekankan kepentingan perpaduan serta semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Ianya juga dapat memupuk dan menyalakan nilai integriti serta jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi budi pekerti.</li> </ul>
2020 - 2021	Malaysia Prihatin 	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tema HKHM tahun 2020 dipilih bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia mengharungi cabaran dan dugaan Covid-19. Sambutan kemerdekaan pada tahun ini menunjukkan sikap keprihatinan semua pihak termasuk masyarakat, kerajaan dan badan bukan kerajaan berganding bahu membendung penyebaran Covid-19 bagi memastikan kelestarian hidup kita terpelihara.</li> <li>Sambutan kemerdekaan pada kali ini juga menzhirkan keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebijakan rakyat ditunjukkan melalui inisiatif 'Prihatin' yang merangkumi aspek ekonomi, kebijakan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.</li> <li>Keunikan sambutan pada tahun ini ialah sambutan diadakan hanya disiarkan dalam televisyen yang boleh ditonton dimana sahaja kerana pada waktu tersebut rakyat Malaysia masih dibawah norma baharu terikat dengan pematuhan prosedur standard (SOP) dan juga dalam perlaksanaan perintah kawalan pergerakkan pemulihian (PKPP).</li> </ul>
2022	Keluarga Malaysia Teguh Bersama 	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tema HKHM 2022 selari dengan konsep keharmonian Keluarga Malaysia, yang memaparkan TEGUH iaitu kukuh kuat dan erat, BERSAMA berserta atau bergandingan dan KELUARGA MALAYSIA merujuk kepada Masyarakat yang aman damai dan Bersatu padu dalam keterangkuman, kerbersamaan dan kesyukuran.</li> <li>Logo yang dipaparkan merupakan konsep jalur liputan internet yang melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat. Ianya juga melambangkan kebersamaan, komited untuk terus maju ke hadapan serta keberadaan teknologi terkini yang menjadi penghubung kehidupan ekonomi rakyat.</li> </ul>



Secara keseluruhan, kita sebagai rakyat Malaysia mestilah sentiasa bersyukur dan bersatu padu agar bersama-sama kita memeriahkan sambutan hari kebangsaan ke 67 ini. Semarakkan sambutan kemerdekaan tanpa mengira warna kulit, agama dan bangsa bagi mengekalkan sifat kebersamaan dalam kalangan Masyarakat Malaysia. Kesemua tema-tema yang dipilih untuk sambutan kemerdekaan pada setiap tahun menekankan semangat patriotisme dan juga bersatu padu dikalangan rakyat Malaysia. Sikap hormat menghormati dan berbudi bahasa merupakan aspek yang penting dalam memupuk semangat kekitaan.

#### Sumber rujukan:

- <https://www.malaysiancoin.com/2015/08/logo-tema-merdeka-malaysia-2015.html>
  - <https://jlu.eng.usm.my/index.php/ms/more-articles/77-selamat-menyambut-hari-kemerdekaan>
  - <https://kowaja.com.my/tema-hari-kemerdekaan-2023/>
  - [https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/sambutan\\_hari\\_kebangsaan\\_hari\\_malaysia\\_2017/files/downloads/sambutan\\_hari\\_kebangsaan\\_hari\\_malaysia\\_2017.pdf](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/sambutan_hari_kebangsaan_hari_malaysia_2017/files/downloads/sambutan_hari_kebangsaan_hari_malaysia_2017.pdf)
  - <https://www.malaysiakini.com/news/436173>
  - <https://www.pendidik2u.my/hari-kebangsaan-2018/>
  - <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/588751/sayangi-malaysiaku-malaysia-bersih-tema-hari-kebangsaan-hari-malaysia>
  - <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/598573/malaysia-prihatin-tema-hari-kebangsaan-hari-malaysia-2020-saifuddin>
  - <https://harianpost.my/tema-logo-hari-kebangsaan-2022/>
- 